

Mahathir terima kunci b-raya Houston dari Datuk Bandar

HOUSTON, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menerima kunci Bandaraya Houston iaitu bandaraya terbesar di barat daya Amerika Syarikat.

Majlis penyerahan kunci itu dilakukan oleh Datuk Bandar sementara Houston, Encik Louis Macey kelmarin di Lapanganterbang Antarabangsa di sini apabila Dato Seri Dr. Mahathir dan Rombongan Galakan Pelaburan Malaysia tiba untuk lawatan tiga hari.

Beliau juga dijadikan warganegara kehormat Houston dan "duta muhibbah bagi Houston".

Hari ini, Timbalan Perdana menteri akan merasmikan seminar pelaburan di Pusat Perdagangan Dunia di sini. Lebih 70 orang usahawan dan pelabur serta para pegawai dewan perniagaan akan menyertai seminar itu.

Kebanyakan dari peserta itu adalah mereka yang berusaha dalam bidang petroleum, barang-barang buatan pertanian, kimia, mencari-gali dan membekal minyak serta pembinaan.

Pertemuan

Selain dari syarikat-syarikat minyak, tiga buah syarikat besar yang sudahpun melabur di Malaysia — Texas Instruments, Mostel Electronics dan Ashland Chemical.

Houston, pusat minyak utama dunia, ialah ibu pejabat beberapa buah syarikat minyak utama Amerika.

Dato Seri Dr. Mahathir akan mengadakan pertemuan-makan malam hari ini dengan para pegawai kanan Esso Eastern. Mereka yang akan turut hadir di majlis itu ialah para pegawai Esso Exploration dan Esso Production Research.

Esok, beliau akan menemui para pegawai Shell.

Houston juga merupakan bandar utama dalam pengeluaran dan pengedaran alat-alat petroleum, kimia dan barang-barang buatan yang berkaitan, penyelidikan saintifik dan alat-alat industri.

Penempatan misi kawalan nasa di Pusat Angkasalepas Lyndon B. Johnson, 22 batu dari pusat bandaraya ini juga membuat nama bandaraya ini terkenal di bidang penerbangan angkasalepas.

Dato Seri Dr. Mahathir dijadual malawat pusat itu esok. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. 127: 1428

No. Pen: 1099/80